



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BIL. 2/2023 PADA HARI AHAD, 25 JUN 2023

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
2. **MEMATUHI SOP** sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi membendung penularan wabak COVID-19.
 - **Pemakaian topeng muka adalah digalakkan.**
3. **HANYA PEMBIDA BERDAFTAR SAHAJA** dibenarkan memasuki kawasan acara lelongan diadakan.
4. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
5. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT** sepenuhnya pada hari lelongan.
6. Barang-barang yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
7. Urusan pengangkutan barang lelongan adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
8. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran pada atau sebelum jam 3.00 petang, 25 Jun 2023 (Ahad).
9. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli dan telah dijelaskan bayaran hendaklah dituntut pada atau sebelum jam 5.00 petang, 28 Jun 2023 (Rabu).
10. Kegagalan menuntut/mengambil barang-barang dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
11. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** rugi di atas kerosakan dan/atau kehilangan barang-barang sebelum/semasa/selepas lelongan dan selepas tamat tempoh tuntutan barang-barang yang telah dilelong.
12. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan barang-barang yang dilelong.
13. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.

14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko penyakit berjangkit daripada barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
15. Barang-barang yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
16. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**